



PERUTUSAN TAHUN BAHARU 2018

MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam 1Malaysia dan Salam Negaraku Alam Sekitarku.*

Alam sekitar adalah anugerah tuhan yang paling berharga. Menjaga alam sekitar adalah menjadi tanggungjawab kita bersama. Alam sekitar yang bersih, sihat dan berkualiti adalah penting untuk menjamin kesejahteraan rakyat di masa hadapan.

Malaysia merupakan antara negara dengan kepelbagaian biodiversiti yang tinggi di dunia. Namun begitu, jika kita gagal memelihara alam sekitar ia bakal menyebabkan kemerosotan kualiti alam sekitar yang akhirnya akan turut menjejaskan kesejahteraan hidup rakyat semua.

Tahun 2017 memperlihatkan banyak isu-isu alam sekitar seperti pencemaran udara, air, pembuangan sisa pepejal dan toksik yang tidak teratur, penebangan hutan yang tidak terkawal atau secara haram yang mengganggu gugat alam sekitar dan ekosistem. Gangguan ini boleh mengakibatkan berlakunya kejadian banjir, tanah runtuh, catuan air dan sebagainya yang akhirnya akan menjejaskan kesejahteraan kehidupan kita semua.

Sehubungan itu, Kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah memperkenalkan dasar, garis panduan dan menguatkuasakan pelbagai undang-undang berkaitan dengan alam sekitar. Dasar, garis panduan dan undang-undang ini perlu dijadikan panduan kepada semua pihak termasuklah Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Ia bagi memastikan sumber semula jadi digunakan dengan lestari di samping memelihara alam sekitar negara. Antara garis panduan tersebut termasuklah:-

- Guidelines For Development in National and State Parks;
- Guidelines For Development in Slope and Hill Areas;
- Guidelines For Coastal Areas and Marine Parks;
- Guidelines For Land Disturbing Pollution Prevention and Mitigation Measures (LD-P2M2).

Dalam melaksanakan projek-projek infrastruktur pembangunan sosio-ekonomi negara, keperluan sumber-sumber asli dan alam sekitar perlu diambil kira bagi memastikan tanggungjawab pemuliharaan alam sekitar turut terlaksana. Adalah penting bagi setiap pihak yang terlibat dalam pembangunan untuk mengimbangi keperluan masyarakat dan perlindungan alam sekitar.

Memandangkan khazanah sumber asli seperti hutan, mineral dan tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan telah dinyatakan dengan jelasnya di bawah Akta Perhutanan Negara 1984, Kerajaan Negeri perlu memainkan peranan aktif bagi memastikan pengurusan sumber asli seperti hutan, mineral dan tanah yang mapan untuk kesejahteraan generasi akan datang. Semua pihak perlu melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pemuliharaan alam sekitar. Apa yang penting ialah setiap individu perlu bersedia untuk membuat sedikit perubahan

kepada cara hidup seharian dengan amalan-amalan mesra alam kerana alam sekitar bukanlah milik kita selamanya tetapi bakal menjadi milik generasi akan datang.

Fenomena melibatkan alam sekitar sememangnya tidak boleh dielakkan sepenuhnya namun Kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif agar kesannya ke atas masyarakat dapat dikurangkan. Rentetan kejadian banjir besar yang melanda beberapa buah negeri di pantai timur beberapa tahun lalu, NRE melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah membangunkan **Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN)**. Program ini adalah bagi mempertingkatkan keupayaan ramalan dan amaran banjir serta hebahan maklumat untuk memastikan amaran awal banjir monsun dapat disampaikan kepada semua pihak seawal dua hari.

PRABN yang telah dilaksanakan akan dapat memberikan tempoh masa yang mencukupi untuk penduduk dan agensi yang bertanggungjawab bertindak awal bagi menyusun strategi dan logistik serta melakukan pemindahan penduduk dengan lebih cekap dan teratur. Tindakan pantas ini membolehkan banyak harta benda awam dapat diselamatkan dan ia sekaligus dapat mengurangkan kerugian yang ditanggung oleh mangsa-mangsa banjir berkenaan dan meningkatkan keyakinan penduduk awam terutamanya mangsa banjir terhadap sistem penyampaian kerajaan yang berkesan.

Kerajaan juga telah melancarkan **Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (EQMP)** dan pembukaan Pusat Kawalan Alam Sekitar Nasional (*National Environmental Command Centre - NECC*) pada tahun 2017. EQMP merupakan sistem pengawasan kualiti alam sekitar yang lebih komprehensif dan mantap yang dibangunkan oleh Kerajaan. Ia

merupakan penambahbaikan daripada sistem pengawasan kualiti alam sekitar yang telah digunapakai oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) sejak tahun 1995 ini yang merangkumi pengumpulan data bagi pemantauan kualiti udara, air sungai dan air marin di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Ia juga bertujuan melaporkan tahap sebenar kualiti alam sekitar negara dalam usaha untuk memantau, mencegah dan mengawal pencemaran.

EQMP ini melibatkan pemasangan stesen pengawasan yang baharu di seluruh Malaysia; penambahan lokasi-lokasi baharu untuk dipantau; penambahbaikan kaedah pengukuran data; peluasan skop pengawasan kualiti air marin; penambahan bilangan parameter pencemar udara, air sungai dan marin; penubuhan pasukan bertindak segera bagi pencemaran udara, air sungai dan air marin; dan penubuhan Pusat Data Alam Sekitar yang baharu dan berteknologi tinggi.

Data-data pengawasan ini akan turut menjadi penunjuk kepada agensi-agensi lain seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dalam melaksanakan tindakan-tindakan segera contohnya seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan.

Data-data pengawasan ini akan diselaraskan oleh Pusat Data Alam Sekitar (Environmental Data Center) yang bertindak untuk mengurus, memproses dan menyalurkan data alam sekitar secara **atas talian** dan **masa sebenar** kepada orang awam.

Pusat Data Alam Sekitar ini yang ditempatkan di *National Environmental Command Center* (NECC) di Ibu Pejabat JAS, Putrajaya yang membolehkan JAS mengambil tindakan segera sekiranya berlaku

pencemaran. Maklumat dan data pengawasan kualiti alam sekitar ini akan turut membantu proses perancangan dan penilaian projek pembangunan baharu serta kawalan pencemaran melalui program Penguatkuasaan JAS.

EQMP yang dilaksanakan oleh Kerajaan ini adalah kaedah pengukuran kualiti alam sekitar yang amat relevan dengan keperluan ‘*stakeholders*’ di Malaysia pada ketika ini dan juga di masa hadapan. Ia juga bagi menyahut Transformasi Negara 2050 atau TN50 yang diinspirasikan oleh YAB Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia di mana alam sekitar menjadi salah satu daripada komponen utama yang memerlukan satu transformasi bagi menyahut gagasan negara ke arah pengurusan alam sekitar yang lebih gemilang.

Tahun 2017 telah memperlihatkan kejayaan yang telah dicapai oleh NRE dan Jabatan-Jabatan di bawahnya seperti Penggubalan dan Kajian Semula Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (*Law Reform*); Pewartaan Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 (ABS); Penubuhan Galeri Alam Semulajadi; Penyediaan Kertas Cadangan Penambahbaikan dan Pengukuhan Modul Biodiversiti dan Alam Sekitar Bagi Sekolah Rendah dan Menengah untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri; Penjenamaan Hari Alam Sekitar Negara (HASN); pemantapan pengurusan “*household e-waste*” negara dan meneruskan kecemerlangan dan penyertaan aktif Malaysia di persada antarabangsa.

Tahun 2017 memperlihatkan beberapa insiden berkaitan alam sekitar di peringkat domestik yang sekiranya tidak dibendung bakal menjadi isu seperti penutupan loji rawatan air (LRA) akibat pencemaran sungai, pembakaran di tapak pelupusan sampah haram, banjir kilat terutama di kawasan bandar, kejadian tanah runtuh dan lain-lain lagi yang akhirnya akan memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat Malaysia.

Justeru itu, NRE melalui jabatan-jabatan di bawahnya perlu dan akan sering melakukan *engagement* dengan pihak *stakeholder* agar insiden tersebut dapat ditangani sebelum ia merebak menjadi isu dan berakhir dengan tragedi. *Engagement* ini termasuklah pelaksanaan mesyuarat-mesyuarat peringkat tertinggi seperti Mesyuarat Majlis Sumber Air Negara (MSAN), Majlis Tanah Negara (MTN), Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang Bertanggungjawab ke atas Alam Sekitar (MEXCOE), Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu Kebangsaan serta penglibatan operasi agensi-agensi penguatkuasaan seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Media massa dan orang ramai juga bertanggungjawab menjadi mata dan telinga dalam melaporkan kepada NRE dan Jabatan-jabatan di bawahnya agar isu-isu alam sekitar ini dapat ditangani demi kesejahteraan semua.

Kerajaan di bawah kepimpinan YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah banyak merancang dan melaksanakan dasar-dasar serta program berkaitan sumber asli dan alam sekitar negara yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat.

Adalah menjadi harapan saya agar pada tahun 2018 usaha-usaha yang sedia ada ini dapat diteruskan dengan lebih giat lagi bagi memberi manfaat kepada semua. Ia membuktikan bahawa Kerajaan yang ada pada hari ini adalah merupakan Kerajaan yang bukan sahaja mempunyai perancangan yang terbaik bahkan dapat merealisasikan dasar dan program berkaitan demi kesejahteraan rakyat Malaysia keseluruhannya. Kerajaan sememangnya prihatin terhadap isu-isu yang boleh mengugat kesejahteraan rakyat terutama yang berkaitan dengan alam sekitar. NRE serta Jabatan-Jabatan di bawahnya disediakan peruntukan yang cukup besar bagi menguruskan isu-isu alam sekitar. Secara ringkas bagi tahun 2018, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM517.54 juta** untuk **Rancangan Tebatan Banjir (RTB)**; **RM168.9 juta** bagi mengorek kuala-kuala sungai dan mengelakkan sungai menjadi cetek dan **sebanyak RM33.89 juta** bagi **Projek-Projek Mencegah Hakisan Pantai**.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua warga NRE dan Jabatan/Agensi di atas sumbangan mereka dalam menjayakan program Kementerian sepanjang tahun 2017.

Semoga komitmen ini dapat diteruskan lagi di tahun 2018 dan merealisasikan visi Kementerian iaitu, "Menerajui Pengurusan Sumber Asli dan Pemuliharaan Alam Sekitar secara Berkekalan". Ia juga bagi memastikan air, udara dan alam sekitar negara bersih demi kesejahteraan rakyat bukan sahaja buat masa ini bahkan dapat diwarisi kepada generasi di masa hadapan.

Marilah kita semua mempertingkatkan azam untuk membawa NRE serta negara kita ke mercu kejayaan yang lebih tinggi lagi. Saya berkeyakinan dengan usaha yang lebih gigih dan komitmen yang tinggi, kita akan mencapai kejayaan tersebut. Semoga tahun 2018 merupakan tahun yang cemerlang buat kita semua.

Alam Sekitar Tanggungjawab Kita Bersama.

Selamat Menyambut Tahun Baharu 2018.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

**DATUK SERI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**